



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PRA PELANCARAN SAMBUTAN 100  
TAHUN PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA**

oleh

**PLANMalaysia  
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)**

pada

**7 NOVEMBER 2019 (Khamis)  
bersamaan  
10 Rabiulawal 1441H**

bertempat di

**Auditorium JAKIM, Blok B,  
Kompleks Islam Putrajaya (KIP)**

**Assalamualaikum**

**Warahmatullahi**

**Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

**YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin  
Ketua Pengarah  
PLANMalaysia  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

**YBhg. Dato' Dr. Zainah binti Ibrahim  
Timbalan Ketua Pengarah(Pembangunan)  
PLANMalaysia  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)**

YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Warisan,

YBhg. Dato'-Dato Bandar,

YBhg. Yang Dipertua Majlis

YBrs. Pengarah-Pengarah Negeri,

YBrs. Pengarah Bahagian, Ketua-ketua Seksyen  
dan Unit

Ahli-ahli Persatuan Pegawai Perancang Bandar  
dan Desa Malaysia (PERSADA),

Ahli-ahli Pertubuhan Perancang Malaysia  
(Malaysia Institute of Planner [MIP]),  
Ahli-ahli Lembaga Perancang Bandar dan Desa  
Malaysia (LPBM),  
Ahli-ahli Persatuan Penolong Pegawai Perancang  
Bandar dan Desa,

Dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam semangat dan iltizam yang tinggi sempena **Majlis Pra Pelancaran Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia.** Selawat dan Salam ke atas junjungan besar

kita Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan merasa amat berbesar hati di atas jemputan PLANMalaysia untuk saya menyempurnakan majlis pada hari ini bersama-sama dengan ratusan pegawai Perancang Bandar di Malaysia yang mewakili pelbagai agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan, begitu juga di sektor swasta, pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan yang hadir di dalam auditorium yang indah ini.

## **SEJARAH PERKHIDMATAN PERANCANG** **BANDAR DI TANAH MELAYU**

***YBhg. Dato'-Dato dan Hadirin yang saya***

***hormati sekalian,***

3. Perkhidmatan perancang bandar telah bermula seawal zaman pemerintahan Rasullullah S.A.W yang mana, Baginda sendiri seorang perancang bandar yang hebat, yang memajukan Kota Madinah daripada sebuah perkampungan kecil menjadi kota tumpuan dagangan dan ilmuhan. Kecemerlangan itu diteruskan lagi oleh sahabat-sahabat Baginda iaitu pada Zaman Khulafa Al-Rasyidin yang banyak memberi sumbangan terhadap Tamadun Islam serta perluasan wilayah Islam. Pada zaman ini telah berlakunya pembinaan kota-kota baru, pembaikan sistem saliran dan sistem pentadbiran tanah.
4. Di negara kita, Jawatankuasa Perancang Bandar yang menjalankan perkhidmatan perancangan bandar di Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada tahun 1913.

# **SEJARAH PROFESION PERANCANG BANDAR DI TANAH MELAYU**

***YBhg. Dato'-Dato dan Hadirin yang saya  
hormati sekalian,***

5. Secara umumnya, profesion Perancang Bandar dan Desa kurang dikenali oleh masyarakat Malaysia berbanding profesion yang lain seperti Jurutera, Arkitek, Doktor, ataupun Peguam. Namun profesion inilah yang menjadi tulang belakang didalam mencorak pembangunan negara sama ada di bandar maupun di desa, dan lipatan sejarah telah membuktikan kepentingan profesion ini kepada negara.
  
6. Profesion ini secara rasminya berada di tanah Melayu pada tahun 1921, dengan kehadiran seorang *Goverment Town Planner, Charles*

*Reade* dari Kerajaan Australia Selatan sebagai Pegawai Perancang Bandar yang pertama di Tanah Melayu. Tugasan utama beliau pada ketika itu adalah membuat perancangan, susunatur dan penempatan semula aktiviti-aktiviti guna tanah di Kuala Lumpur antaranya penempatan kuarters Kerajaan dan perumahan awam di Jalan Imbi, penempatan Sekolah Victoria Institution, pelebaran Sungai Klang dan juga pelebaran jalan-jalan utama di Kuala Lumpur melalui penubuhan Enakmen Perancangan Bandar 1923.

7. Enakmen tersebut kemudiannya digubal dan digantikan dengan Enakmen 1927 yang memperkuuhkan peringkat *Sanitory Board* dan memperkenalkan jawatan baru *Town Planning Superintendent* yang ditempatkan di **negeri** dan **Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat.**

- 8. Bandar baru terancang pertama di Tanah Melayu dan juga Asia** telah dibina oleh *Town Planner, Charles Reade* pada tahun **1926** iaitu di **Kuala Kubu Bharu** dengan konsep “*Garden City*” daripada *Ebenezar Howard*. Ia merupakan konsep pembangunan bandar terancang yang ideal pada era itu. Pembangunan bandar baru ini akibat daripada berlakunya beberapa siri banjir besar di bandar lama di Ampang Pechah pada ketika itu.
- 9. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)** telah digubal dan diwartakan pada 25 Mac 1976 untuk pengawalan dan pengawalselian perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia mengikut **Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan**, yang membawa maksud untuk memastikan persamaan undang-undang dan dasar serta

peraturan yang sempurna, bagi perancangan bandar dan desa dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Akta ini menjadi punca kuasa kepada PLANMalaysia untuk memacu perancangan pembangunan negara.

***YBhg. Dato'-Dato dan Hadirin yang saya  
hormati sekalian,***

10. Putrajaya di mana kita berada pada hari ini, merupakan salah satu ‘air tangan’ perancang bandar daripada PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) yang menterjemahkan inspirasi YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed pada tahun 1999 ketika YAB Tun menjadi Perdana Menteri ke empat (4) menjadi realiti. Putrajaya dibangunkan dari bekas ladang kelapa sawit seluas 4,931 hektar telah menjadi sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang dirancang

serba moden dan menjadi mercu tanda kejayaan negara pada masa kini dan masa hadapan.

**11. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** adalah sebuah doktrin yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan dan mengambil kira hubungan di antara **Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia dan Manusia dengan Alam Sekitar**. Ia menjadi panduan utama perancang bandar di peringkat persekutuan, negeri, tempatan melalui rancangan-rancangan pembangunan yang disediakan seperti Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Wilayah, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas. Ia juga digunakan sebagai panduan bagi penyediaan garis panduan perancangan bagi tujuan kawalan

pembangunan.

12. Begitu banyak jasa yang dicurahkan oleh profesi Perancang Bandar ini kepada negara, sukar untuk saya menceritakan setiap satu. Sebagai seorang Menteri yang dipertanggungjawabkan mengikut peruntukan Akta 172, saya merasa amat berbangga kerana dapat terlibat sama dalam memberi pandangan dan idea di dalam aktiviti-aktiviti perancangan bandar di negara yang bertuah ini melalui keterlibatan saya di dalam **Majlis Perancang Fizikal Negara** yang diurussetiakan oleh **PLANMalaysia**.

## **KESIMPULAN**

***YBhg. Dato'-Dato dan Hadirin yang saya  
hormati sekalian,***

13. Mengambil kira perubahan ekonomi dunia

yang kompleks pada masa kini dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang, maka sudah tentu negara memerlukan warga Perancang Bandar yang komited dalam menjalankan tugas dan kreatif untuk melakukan perubahan ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan kepada agama, bangsa dan negara.

14. Saya yakin PLANMalaysia sebagai agensi kerajaan yang mewakili profesion perancang bandar ini dapat membawa imej yang cemerlang bukan sahaja di dalam negara tetapi diperingkat antarabangsa dengan sokongan jitu daripada agensi perancang bandar di peringkat negeri, tempatan dan juga sektor swasta melalui kualiti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan. Ini adalah selaras dengan peranan PLANMalaysia sebagai peneraju pelaksanaan *New Urban*

*Agenda* (NUA) di Malaysia yang menjadi panduan kepada semua pemegang taruh (stakeholder) secara global ke arah mencapai status pembangunan mampan menjelang 2030.

15. Kepada semua yang menjawat profesion perancang bandar, ucapan Tahniah saya berikan kepada anda semua di atas Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia pada tahun 2021 nanti. Pelbagai program telah dirancang menjelang sambutan rasmi pada tahun 2021 antaranya yang terdekat adalah Sambutan Hari Perancang Bandar dan Desa 2019 di Shah Alam pada 10 November 2019, Ride Tour 2020, International Profesional Talk 2020, Menjejaki CC Reade 2020, Dokumentari Majalah 3, Slot Bual Bicara Perancang Bandar di RTM1 dan TV3 pada tahun 2021 dan lain-lain lagi. Marilah kita bersama-sama menyokong program-

program yang akan dilaksanakan nanti.

## **PENUTUP**

16. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada PLANMalaysia diatas jemputan dan ucapan tahniah di atas pengendalian Majlis ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **Majlis Pra Pelancaran Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.